

# USIM, Nutramedica komersial khasiat keledak ungu

SEREMBAN 11 Mei – Orang ramai mungkin tidak mengetahui keledak ungu yang enak sebagai kudapan mempunyai pelbagai khasiat seperti Vitamin B, C dan E, zat mineral, beta kerotin, protein serta kanji.

Kandungan *anthocyanin* di dalam keledak itu juga mempunyai kelebihan termasuk melindungi kerosakan asid deoksiribonukleik (DNA), membantu mengurangkan perkembangan sel kanser, menstabilkan penyakit kencing manis serta meningkatkan daya ingatan.

Menyedari hakikat itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil langkah proaktif menjalinkan kerjasama dengan pusat kajian Syarikat Nutraherbs, Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd. dalam pemindahan teknologi pengekstrakan *anthocyanin* daripada keledak ungu.

Hasil penyelidikan yang dijalankan Prof. Madya Dr. Zaiton Hassan dan pasukannya sebelum ini mendapati *anthocyanin* daripada keledak ungu memberi warna kemerahan dan kebiruan yang stabil apabila digunakan pada produk yang diproses.

Perkara itu dikatakan berbeza dengan *anthocyanin* daripada sumber tumbuhan lain yang mudah rosak dan bertukar warna dari merah ke coklat, apabila diberi perlakuan haba.

Pigmen *anthocyanin* daripada keledak ungu ini juga didapati mampu meningkatkan aktiviti mengikat radikal bebas.



**ABDUL Mubin Abdul Malek (kiri) menyerahkan cek kepada Dr. Muhammad Muda pada majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara Universiti Sains Islam Malaysia dengan Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd. di Nilai, baru-baru ini.**

Begitu juga kegunaan pigmen *anthocyanin* sebagai pewarna aslidid dalam produk kosmetik telah diterokai oleh negara luar seperti

Jepun.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda, implikasi hasil kajian

penyelidik USIM itu bukan sahaja untuk kebaikan USIM dan Nutramedica, tetapi kepada petani yang menanam ubi keledak terutamanya ubi keledak ungu.

Kata beliau, keledak ungu bukan sahaja setakat hidangan ubi rebus, kerepek desa atau kuih muih, tetapi ia merupakan satu produk yang mempunyai nilai tambah bertaraf dunia dan menyumbang kepada kesihatan.

“Sebagai rakan industri kepada Syarikat Nutrmedica Laboratorie Sdn. Bhd., kita percaya kedua-dua pihak akan terus bekerjasama menghasilkan pelbagai produk yang halal, bermutu tinggi lagi bermanfaat kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) antara USIM dengan Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd. di kampusnya dekat Nilai baru-baru ini.

Pada majlis tersebut turut diserahkan replika cek berjumlah RM230,000 oleh pihak Nutramedica Sdn. Bhd. kepada pihak USIM sebagai bayaran lesen pemindahan teknologi penyelidikan yang dihasilkan.

Dalam pada itu, kata Pengarah Urusan Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd., Abdul Mubin Abdul Malek, USIM dipilih sebagai rakan niaga kerana Nutramedica melihat peluang yang cerah daripada mengkomersialkan *anthocyanin* ini.

“Pada masa sama, USIM menjalankan kajian ini dan ia gandingan terbaik,” ujarnya.